



Permohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/01/2025 (2)

3. Skim Perkhidmatan	:	Pembantu Keselamatan, Gred KP1 (3 KEKOSONGAN – Kuching)		
Taraf Jawatan	:	KONTRAK – 3 orang		
Kumpulan	:	Pelaksana		
Perkhidmatan	:			
Klasifikasi	:	Keselamatan Dan Pertahanan Awam		
Perkhidmatan	:			
Jadual Gaji	:	KP1	RM 1,500.00 - (Minimum)	RM 4,680.00 (Maksimum)

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- i) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau

- v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,622.00).

DAN

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi Wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi Wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki Sahaja)
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- (e) Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(ii), 1(c)(iv) dan 1(c)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Bil. Iklan Pustaka/02/2025 (2)

3. Skim Perkhidmatan	:	Pembantu Khidmat Am, Gred H1 (1 KEKOSONGAN – Kuching)		
Taraf Jawatan	:	Jawatan Berasaskan Caruman – 1		
Kumpulan	:	Pelaksana		
Perkhidmatan				
Klasifikasi	:	Kemahiran		
Perkhidmatan				
Tempoh Percubaan	:	1 – 3 Tahun		
Jadual Gaji	:	H1	RM 1,500.00 -	RM 4,680.00
			(Minimum)	(Maksimum)

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); atau

- DAN v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (Jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(d) .

- (d) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat

- i) Memiliki lesen memandu kelas B2/B/D/E2/E1/E/F/G/H/1 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi

oleh tugas berkenaan; atau

- ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
 - iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
 - iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang/Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi yang berkenaan; atau
 - v) Bagi tugas menyelamatkan, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.
- (e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Cara Memohon:

1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) melalui laman web berikut: www.pustaka-sarawak.com/apps/recruitment
2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan.
3. Setiap permohonan MESTILAH disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan, diimbis dan dimuatnaik melalui sistem e-recruitment Pustaka nanti. Muatnaik adalah terhad kepada 2 lampiran sahaja. Contoh: Sekiranya jawatan memerlukan lulusan SPM, maka salinan sijil SPM hendaklah dimuatnaik.
4. Hanya pemohon yang berjaya untuk ditemuduga sahaja akan dimaklumkan melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS).
5. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
6. Tarikh tutup iklan adalah pada : **29 Ogos 2025 (Jumaat)**.